

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 MARCH 2015

Projek rumah PR1MA diperbanyak

Oleh SHARAIMI SHAIK
AHMEDULLAH

pengarang@mingguan.com.my

■ PUTRAJAYA 7 MAC

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan komited untuk terus membina lebih banyak rumah mampu milik di bawah projek Perumahan Rakyat Malaysia (PRiMA) dengan menawarkan harga yang lebih murah sekurang-kurangnya 20 peratus daripada harga pasaran.

Beliau berkata, permintaan yang sangat tinggi daripada orang ramai sehingga tujuh kali ganda daripada unit yang disediakan terhadap projek perumahan tersebut memerlukan kerajaan memperbanyakkan lagi konsep PRiMA di kawasan tumpuan utama seperti Putrajaya dan lain-lain.

"Saya berharap semua projek ini dapat berjalan dengan lancar dan apa yang menarik mengenai PRiMA ialah aienggunakan konsep undi yang disahkan oleh juruaudit, KPMG, jadi tiada apa yang boleh dipersoalkan dalam proses integrasi, cabutan dan pengesahan.

"Garis panduan yang diberikan untuk membina projek ini ialah mes-

um - 8/3/2015

Ini bererti harga setiap unitrumahterbabit masing-masing adalah 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran, selainitusebaik sahaja dapat rumah ini mereka sudah untung, kalau RM150.000 diauntungRM50,000

**NAJIBTUN RAZAK
Perdana Menteri**

ti dalam lingkungan harga mampu dibeli dan kedua mesti lebih rendah daripada harga pasaran sekurang-kurangnya 20 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis penyerahan kunci PRiMA Presint li di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; Pengerusi PRiMA, Tan Sri Dr. Jamaludin Jarjis

dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Dr. Aseh Che Mat.

Menurut Najib, projek perumahan PRiMA yang dibina di Presint 11 di sini merupakan projek pertama yang berjaya disiapkan sejak dilancarkan pada 2011.

Beliau berkata, projek tersebut yang menawarkan sebanyak 560 unit rumah yang berkualiti tinggi dibina melalui kejasama awam swasta iaitu antara Putrajaya Holdings (PJH), PRiMA dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS).

"Perumahan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas seperti dewan serbaguna, surau, taman permainan, tadika dan tapak perniagaan. Sebanyak dua jenis unit kediaman ditawarkan iaitu unit berkeluasan 815 kaki persegi yang dijual pada harga RMi20,000 dan unit berkeluasan 1,000 kaki persegi yang dijual pada harga RM150,000.

"Ini bererti harga setiap unit rumah terbabit masing-masing adalah 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran, selain itu sebaik sahaja dapat rumah ini mereka sudah untung, kalau RM150.000 dia untung RM50,000 kalau dalam masa lima hingga 10 tahun akan datang sudah tentu kadar kenaikannya lebih tinggi mengikut harga pasa-

ran," katanya.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berbangga kerana hasratnya untuk melihat projek tersebut siap dan menyerahkan sendiri kunci rumah kepada pemilik rumah tersebut tercapai.

Mengenai perumahan mampu milik di Putrajaya, katanya, selain 560 unit rumah PRiMA, PPj juga sedang membina sebanyak 6,672 unit kediaman di bawah Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAiM) manakala sebanyak 12,352 unit lagi dalam perancangan.

"Ini bererti jika dicampur dengan kuarters kerajaan sebanyak 22,452 unit dan juga perumahan awam sebanyak 5,137 unit serta yang dalam pembinaan dan perancangan sebanyak 25,150 unit, maka tidak lama lagi kawasan Putrajaya bakal mempunyai sebanyak 67,186 unit rumah dan saya percaya akan memenuhi hampir semua permohonan rumah mampu milik di kawasan ini," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, harga seunit rumah dalam PPAiM yang dijual pada harga RM90,000 hingga RM300.000 seunit lebih murah sebanyak 50 peratus jika dibandingkan dengan rumah berkeluasan sama di Cyberjaya.